



## Lembaran Pendedahan Produk

# Insurans Barangan Dalam Transit

Sila baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk membeli Insurans Barangan Dalam Transit. Pastikan juga anda telah membaca terma-terma dan syarat-syarat am.

**NOTIS PENTING**

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil/polisi/produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Tokio Marine Insurans (Malaysia) Berhad atau PIDM (layari [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).

## 1. Apakah produk ini?

Polisi ini melindungi barangan anda ketika di dalam atau di atas atau diangkut ke dalam atau dimuat turun dari sebarang kenderaan jalan raya atau kereta api pengangkut barang atau ketika disimpan di dalam perjalanan transit biasa sama ada di dalam atau di luar kenderaan berkenaan daripada kerugian atau kerosakan akibat Kebakaran, Kecurian atau Kemalangan. Anda boleh menginsuranskan barangan anda dengan memilih salah satu daripada perlindungan di bawah dengan tertakluk kepada kelulusan pihak Syarikat.

## 2. Apakah perlindungan/ manfaat yang disediakan?

### a. Kebakaran, Kecurian atau Kemalangan

Perlindungan ke atas kerugian atau kerosakan ke atas barangan akibat Kebakaran, Kecurian atau Kemalangan (kecuali perkara-perkara yang dinyatakan dalam Pengecualian) ketika:

- Di dalam atau di atas atau diangkut ke dalam atau dimuat turun dari mana-mana kenderaan jalan raya atau kereta api pengangkut barang
- Atau ketika disimpan sementara di dalam perjalanan transit biasa sama ada di dalam atau di luar kenderaan berkenaan di dalam Had Wilayah.

### b. Fasal Lori

Perlindungan ini lebih terbatas kepada kerugian atau kerosakan ke atas barangan yang berpunca daripada kenderaan barangan mengalami kebakaran, perlanggaran dan terbalik.

### c. Anda boleh melanjutkan perlindungan ke atas risiko berikut dengan membayar kadar premium tambahan.

- Rusuhan & mogok yang dinyatakan dalam Fasal Mogok, Rusuhan dan Kekacauan Awam

Tempoh perlindungannya ialah selama satu tahun. Anda dikehendaki membaharui polisi insurans anda setiap tahun.

## 3. Berapakah premium yang saya perlu bayar?

Jumlah premium yang anda perlu bayar adalah berbeza bergantung kepada keperluan pengunderaitan pihak syarikat insurans:

Perlindungan Kebakaran, Kecurian atau Kemalangan: RM \_\_\_\_\_ Premium untuk had liabiliti berjumlah RM \_\_\_\_\_

Perlindungan Fasal Lori : RM \_\_\_\_\_ Premium untuk had liabiliti berjumlah RM \_\_\_\_\_

Perlindungan Tambahan : RM \_\_\_\_\_

Jumlah premium teranggar yang anda perlu bayar ialah : RM \_\_\_\_\_ (akan ditentukan oleh pihak Syarikat)

## 4. Apakah yuran dan bayaran yang saya perlu bayar?

- Cukai Perkhidmatan : 8%
- Duti setem : RM10.00
- Komisen dibayar kepada pengantara insurans (jika ada) : 15% daripada premium atau RM \_\_\_\_\_

## 5. Apakah terma dan syarat utama yang saya harus ketahui?

### Kepentingan pendedahan

- Kepentingan pendedahan - anda dikehendaki mendedahkan semua fakta material yang anda tahu atau patut tahu; jika tidak, polisi ini akan dianggap tidak sah.
- Anda harus memastikan barangan anda diinsuranskan berdasarkan kos asas barangan atau barang dagangan dicampur dengan perbelanjaan dan kos tambahan ke atas pengangkutan yang dipertanggungjawabkan ke atas anda, dan caj-caj insurans.
- Anda boleh memilih untuk menginsuranskan barangan anda berdasarkan pusing ganti / pembawaan tahunan teranggar atau pada kenderaan yang spesifik:
  - a) **Anggaran Jualan/ Pembawaan Tahunan** - Nilai barangan yang diangkut sepanjang tempoh polisi. Premium dicaj terdahulu adalah sementara dan anda dikehendaki memberitahu penjualan/ pembawaan terlibat yang sebenar apabila tamatnya tempoh polisi.
  - b) **Kenderaan yang spesifik** - Nilai barangan yang diangkut dalam mana-mana satu transit untuk satu kenderaan barangan. Ia tertakluk kepada had agregat untuk seluruh tempoh polisi. Jika berlakunya tuntutan di bawah polisi ini, hadnya akan dikurangkan berkadaran melainkan had pengembalian semula telah diluluskan oleh pihak kami. Jika tidak, agregatnya akan dianggap tanpa had dengan caj kadar premium yang lebih tinggi.
- Lebihan (jika ada) sebagai amaun yang harus anda tanggung sendiri jika barangan anda hilang atau rosak : RM \_\_\_\_\_

## 6. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?

Polisi ini tidak melindungi kerugian tertentu seperti berikut:

- Kerugian ke atas mana-mana gas cecair atau barangan daripada kontena akibat bocor atau tumpah melainkan berpunca daripada (a) kebakaran (b) kenderaan itu ditimpa kemalangan atau (c) objek terjatuh pada kenderaan itu.
- Kerugian, kemusnahan atau kerosakan akibat cuaca, keadaan atmosfera, kehausan dan keusangan, gegat, binatang perosak, serangga, kelembapan, berkulapuk, berkarat, kecacatan pembungkusan, penggunaan cangkuk atau tali, penangguhan, kerugian akibat susut nilai atau kemerosotan, pencemaran, penapaian atau mana-mana jenis kerugian turutan berpunca daripada pembakaran secara spontan.
- Kecurian jika mana-mana ahli keluarga atau kakitangan Orang Yang Diinsuranskan berkenaan dianggap sebagai orang utama atau yang bersubahat.
- Kerugian, kemusnahan atau kerosakan yang berlaku sekali sekala berpunca daripada letusan gunung berapi, kebakaran bawah tanah, gempa bumi atau lain-lain goncangan semula jadi, peperangan, penaklukan, tindakan musuh asing, pertempuran atau operasi berupa perang (sama ada peperangan diisytiharkan atau tidak) atau perang saudara, penentangan, revolusi, pemberontakan, ketenteraan atau perampasan kuasa, rusuhan, mogok atau pergaduhan awam

Nota: Senarai ini bukannya senarai yang lengkap. Sila rujuk sampel kontrak polisi untuk senarai penuh bagi pengecualian di bawah polisi ini.

## 7. Bolehkah saya batalkan polisi ini?

Anda boleh membatalkan polisi ini dengan memberi notis bertulis kepada pihak kami. Selepas pembatalan, anda layak mendapat pemulangan premium ditolak premium pada kadar tempoh singkat bagi tempoh polisi yang telah berkuatkuasa, tertakluk kepada premium minimum yang dikenakan oleh pihak kami. Tiada pemulangan premium dibenarkan jika timbulnya tuntutan di bawah polisi ini.

## 8. Apakah yang harus saya lakukan jika terdapat perubahan dalam butiran peribadi saya?

Adalah penting bagi anda untuk memaklumkan pihak kami tentang sebarang perubahan mengenai maklumat anda bagi memastikan semua surat-menyurat dapat disampaikan kepada anda tepat pada masanya.

## 9. Dari manakah boleh saya dapatkan informasi yang lebih terperinci?

Sekiranya anda memerlukan informasi tambahan produk tersebut di atas atau mana-mana jenis produk insurans yang pihak kami sediakan, sila hubungi kami atau mana-mana cawangan atau pengantara insurans anda atau layari laman web kami di [www.tokiomarine.com](http://www.tokiomarine.com)

Tokio Marine Insurans (Malaysia) Berhad  
Level 20, Menara Hap Seng 3,  
Plaza Hap Seng, No. 1, Jalan P. Ramlee,  
50250 Kuala Lumpur.

Customer Service Hotline: 1800 88 0812  
Email: [letusknow@tokiomarine.com.my](mailto:letusknow@tokiomarine.com.my)

## 10. Lain-lain jenis perlindungan Insurans Marin yang disediakan

- Insurans Kargo Marin

### NOTA PENTING

Anda harus memastikan bahawa polisi ini akan memenuhi keperluan anda. Anda hendaklah membaca dan memahami polisi insurans dan berbincang dengan pengantara insurans anda atau hubungi kami untuk keterangan lanjut. Sekiranya ada pertikaian dan percanggahan mengenai Terma-terma dan Syarat-syarat ini di dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia, versi Bahasa Inggeris akan digunapakai.

Informasi yang disediakan dalam lembaran pendedahan ini adalah sah pada 01/03/2024

Tokio Marine Insurans (Malaysia) Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawalselia oleh Bank Negara Malaysia.